

### **Bilangan penduduk bekerja terus meningkat**

KUCHING: Prestasi dagangan Malaysia meneruskan momentum positif pada September 2021 dengan jumlah dagangan meningkat 25.5 peratus (Ogos 2021: 15.7%).

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, eksport berkembang 24.7 peratus (Ogos 2021: 18.4%), manakala import meningkat 26.5 peratus (Ogos 2021: 12.5%), yang seterusnya menghasilkan lonjakan lebihan dagangan 19.1 peratus (Ogos 2021: 44.7%).

“Liputan populasi dewasa yang tinggi dan peningkatan bilangan remaja yang divaksin sepenuhnya akan meredakan krisis kesihatan. Keadaan itu memberikan perkembangan positif kepada negara dengan harapan ekonomi akan kembali bangkit menuju pemulihan. Selari dengan itu, beberapa petunjuk ekonomi juga menunjukkan prestasi yang lebih baik,” katanya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 10/2021.

MESR menumpukan kepada senario ekonomi pada Ogos 2021 dan sorotan statistik akan datang bagi September 2021

Katanya lagi, berdasarkan kepada prestasi industri, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) mencatatkan penguncupan marginal 0.7 peratus berbanding dengan bulan yang sama tahun sebelumnya, dengan trajektori negatif yang lebih baik daripada negatif 5.1 peratus dicatatkan pada Julai 2021.

Ujarnya, IPP dipengaruhi oleh penyusutan indeks perlombongan dan indeks elektrik.

“Sementara itu, nilai jualan pembuatan pada Ogos 2021 berjumlah RM126.5 bilion, menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih tinggi 6.8 peratus berbanding dengan Ogos 2020,” jelasnya.

Sementara itu, mengenai pasaran buruh pada Ogos 2021, beliau menjelaskan bahawa bilangan penduduk bekerja terus meningkat bagi bulan keenam iaitu sebanyak 1.5 peratus atau pertambahan 223.1 ribu orang kepada 15.38 juta orang.

“Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga berada pada 65.2 peratus. Sementara itu, kadar pengangguran menurun 0.1 mata peratus kepada 4.6 peratus,” katanya.

<https://sarawakvoice.com/2021/10/29/bilangan-penduduk-bekerja-terus-meningkat/>